

## **Siakap**

**Sri Nabilah Basri**

**S**epasang mata itu merenung jauh. Jika diamati, garisan-garisan halus sudah mula muncul pada kulit kusam yang menampung sepasang bebola mata itu. Pada pandangan kasar insan biasa, garisan itu sekadar kedutan yang menyerlahkan usia tua si pemilik. Namun hakikatnya, jika lebih diteliti, di bahagian bawah mata yang sembab itu, juga pada permukaan bebola mata yang sekali-sekala berkaca, turut menyerlahkan keletihan.

Mak Yah. Demikianlah nama insan yang memiliki sepasang mata tersebut. Renungannya seolah-olah disasarkan ke arah tumbuhan menghijau yang berderetan di hadapannya. Mak Yah bukanlah mengirangira beberapa batang pohon yang sedang megah terpacak. Tidak juga dia sengaja memandang kehijauan tersebut dengan tujuan merehatkan mata yang sedang keletihan itu. Mak Yah sebenarnya sedang melayani fikirannya. Benaknya giat memikirkan perbualan semalam.

“Mungkin dia telah bawa pulang sesuatu yang bukan miliknya,” keras suara Pak Raden menegur.

“Apa barang yang dimaksudkan itu, Pak Raden?” Mak Yah meminta kepastian.

“Itu aku tidak pasti. Kumpulkanlah anak-anak kamu dan bawalah berbincang bersama. Mungkin mereka dapat membantu,” nasihat Pak Raden.

Hati Mak Yah tidak puas. Perbualan semalam terputus begitu sahaja. Dia tidak menafikan bahawa kehadiran Pak Raden telah memberinya semangat dan harapan. Namun, ia sekali gus membawa sama teka-teki yang besar ke dalam kehidupan dan pemikirannya.

“Emak! Marilah masuk,” satu suara memecah keheningan suasana.

Mak Yah menoleh dengan serta-merta. Rilah, anak bongsunya, meminta agar dia masuk dengan segera. Tanpa berlengah, Mak Yah menggunakan

segala tenaga yang ada lalu bingkas daripada kerusi tempat dia melabuhkan segala kepenatan. Dia melangkah meninggalkan beranda lalu masuk ke dalam bilik pengasingan di wad 57 yang bertempat di Hospital Universiti Nasional Singapura tersebut.

“Assalamualaikum, Rama. Yah datang ni,” sapa Mak Yah dengan mesra. Senyuman terukir pada wajahnya.

‘Rama’ ialah panggilan mesra Mak Yah kepada suaminya. Sebenarnya, ‘Rama’ sama ertinya dengan istilah ‘Romo’. Istilah ini lebih kerap digunakan oleh penduduk tanah besar Jawa. Ia membawa maksud ayah atau bapa. Sengaja dia menggelar suaminya itu ‘Rama’. Sewaktu anak-anaknya kecil dahulu, dia memanggil suaminya ‘Abang’. Disebabkan akal budak yang belum matang, habislah semua anaknya turut menggelar ayah mereka ‘Abang’ juga. Akhirnya, Mak Yah terpaksa mengalah dan memanggil suaminya ‘Rama’ supaya anak-anak turut selesa menggunakan panggilan yang sama.

Salam Mak Yah entah dijawab entah tidak. Bahkan, senyuman yang terukir pada bibirnya itu entah dilihat entah tidak. Suaminya itu masih terbaring kaku dan layu di katil hospital. Keadaan suaminya itu amat membimbangkan Mak Yah.

Sungguhpun salamnya tidak berjawab serta senyumannya tidak berbalas, Mak Yah ikhlas melayan suaminya. Walaupun pada hakikatnya Mak Yah memang keletihan, Mak Yah tetap mengerahkan segala kudratnya kerana dia percaya bahawa dia perlu tampil kuat di hadapan suaminya. Setiap hari, tanpa rasa jemu, Mak Yah akan duduk di sisi suaminya sambil melagukan bait-bait daripada kitab Al-Quran, dengan harapan agar semangat suaminya akan kembali.

“Suami Puan mengalami cerebral thrombosis. Sebab itulah suami Puan berada dalam keadaan koma dan tidak dapat memberi tindak balas kepada sesiapa atau apa-apa di sekelilingnya. Saya minta maaf, tetapi mangsa yang mengalami kecederaan sebegini tidak dapat bertahan lama.” Demikianlah yang disampaikan oleh para pakar di hospital tersebut lebih kurang dua bulan yang lalu. Mak Yah hampir pengsan menerima berita yang disampaikan doktor pada saat itu.

Setiap kali kelopak mata suaminya itu separuh terbuka, Mak Yah akan

mengajak suaminya berbual-bual. Menurut doktor, pesakit yang menderita koma ini perlu rajin diajak berbual-bual. Kadangkala, walaupun fizikal mereka tidak menunjukkan sebarang tindak balas, emosi dan minda mereka masih berfungsi seperti sediakala. Justeru, itulah yang diharapkan Mak Yah agar emosi dan minda suaminya terus gagah dan bersemangat melawan penyakit yang dialaminya.

Sambil jari-jemarinya memicit kaki kanan ayahnya yang separuh sejuk itu, Rilah mencuri pandang ke arah jam yang tergantung pada dinding.

“Emak pulanglah dulu. Dah masuk jam tiga petang. Dari pagi Emak di sini. Malam nanti nak ke tempat kerja lagi. Biar Rilah saja yang menemani Rama sehingga Kakak datang sebelum senja nanti,” Rilah memberi saranan tatkala melihat kelopak mata ibunya semakin lama semakin layu.

“Tidak mengapa. Hari ini Emak nak duduk lama sikit di sini. Emak sudah buat temu janji dengan seseorang. Tadi Emak sudah cukup berehat di beranda belakang tu,” dikeraskan hatinya.

“Assalamualaikum!” Sekonyong-konyong itu satu suara yang tidak asing memberi salam dari pintu masuk bilik yang dibelakangi Rilah dan Mak Yah.

Mak Yah yang telah meminta Pak Raden ke hospital petang itu. Petang itu Pak Raden bukan dipanggil untuk sesi mengurut. Pak Raden telah dipanggil agar Mak Yah dapat membincangkan hal semalam dengan lebih lanjut. Jiwa Mak Yah tidak tenteram sepanjang bekerja syif malam semalam. Perbualannya bersama Pak Raden asyik bermain-main di kotak fikirannya seperti rakaman pada mod ulang.

“Waalai kumsalam. Sudah sampai pun. Ayuh kita ke beranda di belakang sana, Pak Raden,” Mak Yah menjulurkan tangan kirinya ke arah beranda dengan sopan.

Bilik pengasingan yang menempatkan suami Mak Yah itu mempunyai dua pintu masuk. Satu pintu masuk menghala ke arah meja penyambut tamu wad 57, manakala satu lagi pintu menghubungkan bilik itu dengan beranda yang betul-betul bersebelahan dengan belukar. Di beranda itulah tempat Mak Yah mencuri masa untuk berehat saban hari setelah pulang daripada bekerja syif malam.

Saat Mak Yah dan Pak Raden melangkah keluar ke arah beranda, Rilah masih tetap di sisi ayahnya, memicit lesu kaki kiri ayahnya pula. Kali ini, membelakangkan Mak Yah dan Pak Raden. Dia tidak mahu masuk campur urusan orang tua. Mentelah lagi, dia tahu benar bahawa ibunya itu tidak suka jika dia memasang telinga.

“Saya masih kurang faham dengan apa yang disampaikan Pak Raden. Sepanjang malam saya cuba memikirkan barang yang dimaksudkan itu. Satu hal pun tidak terlintas di fikiran saya.” Suara Mak Yah berbaur resah.

“Beginilah. Semalam aku bermimpi lagi. Lembaga itu mendatangi aku dengan keadaan marah. Katanya suami engkau itu telah bawa pulang anak-anaknya. Dia minta anak-anaknya dikembalikan. Maka, kita harus kembalikan secepat mungkin.”

Mak Yah semakin keliru. Dia terdiam seribu bahasa.

“Suami engkau ada menunjukkan sebarang perubahan sejak semalam?” tanya Pak Raden pula. Belum sempat Mak Yah menghuraikan kekusutan pada benaknya.

“Pagi tadi bila saya curahkan air bacaan Yasin ke dalam mulutnya, dengan serta-merta dia menyembur keluar air itu. Separuh meludah pun ada. Kemudian, bila matanya terbuka, kepalanya berkeras menoleh memandang kawasan belukar ini. Saya cuba ubah kedudukan kepalanya, nak ditegakkan, paling tidak pun nak ditolehkan ke kanan, dia melawan pula.” Keresahan tadi digantikan dengan keghairahan bercerita.

“Ya. Mana mungkin orang yang sakit itu melawan tenaga kita yang masih sihat ini. Teruskanlah mendirikan solat dan bermohon kepada yang Esa supaya kita dapat melawan tenaga jahat yang menghuni dalam badan suami engkau itu,” Pak Raden terus cuba meyakinkan.

Malam itu Mak Yah tidak jadi ke tempat kerja. Dia mengambil cuti sakit. Memang dua tiga hari sebelum itu tekaknya sudah mula terasa perit. Kepalanya juga agak berpusing akibat kurang rehat. Sepanjang empat bulan suaminya terlantar di katil hospital, tidak pernah sehari pun dia mengambil

cuti sakit. Dia berharap benar cuti yang diambilnya malam itu tidak menjadi punca rungutan orang.

Lebih kurang jam sebelas pada malam itu, seluruh rumah Mak Yah sudah sunyi sepi. Rilah dan kakaknya sudah lena dibuai mimpi. Anak lelaki Mak Yah yang seorang pula sedang bertugas.

Mak Yah tidak dapat melelapkan matanya. Sekejap dia berbaring menghadap ke kanan. Sekejap dia akan berpusing menghala ke kiri. Adakala dia berbaring berbantakan lengan, ada kalanya pula dia terduduk sambil bersandar pada kepala katil. Dalam keadaannya terduduk itulah Mak Yah mendapat ilham.

Mak Yah segera bangkit dan berjalan ke arah almari pakaian. Mak Yah membongkok sedikit. Dia mengais-ngais kandungan dalam almari pakaian tersebut. Akhirnya, sebungkus plastik dikeluarkan. Sekonyong-konyong itu juga dia duduk bersila di atas lantai antara katil dengan almari pakaian tersebut.

Dengan penuh telaten, Mak Yah membuka ikatan bungkus plastik tersebut. Ikatan tersebut agak ketat. Mungkin sesetengah orang akan merentap dan mengoyakkan terus plastik tersebut. Namun, itu bukan kebiasaan Mak Yah.

Akhirnya, ikatan pada plastik tersebut terlerai. Mak Yah menggenggam keluar sehelai kain berwarna kelabu. Dikebas-kebas kain tersebut. Sejurus terbentang, jelaslah kain itu sebenarnya sepasang seluar panjang lelaki. Namun, seluar itu kelihatan sedikit berbeza. Kelihatannya seperti seluar tersebut telah dikoyak atau digunting dari satu hujung ke hujung yang lain. Ya. Itulah seluar yang dipakai terakhir kali oleh suami Mak Yah sebelum dia disorong ke bilik kecemasan.

Terbayang kembali detik-detik cemas pada satu subuh yang malang apabila Mak Yah menerima panggilan daripada hospital. Kebetulan, Mak Yah tidak bekerja syif malam pada malam sebelumnya. Suaminya yang bekerja syif malam. Subuh itulah suaminya dikatakan tumbang di tempat kerja lalu dikejarkan ke hospital oleh rakan-rakannya. Pada pagi itulah pakaian suaminya yang sudah digunting para jururawat diserahkan kepadanya. Pada pagi itulah Mak Yah pelajari istilah cerebral thrombosis.

Mak Yah menyeluk saku seluar tersebut. Rasanya seperti ada sesuatu. Ditarik keluar barang tersebut. Rupanya sehelai sapu tangan yang sudah renyuk. Itu pasti bukan barang yang dimaksudkan Pak Raden.

Mak Yah meneruskan misi pencariannya. Dari satu laci ke setiap laci diselongkarnya. Bawah katil juga tidak ketinggalan. Setelah membongkok menjangkau dan puas menyelongkar bilik tidurnya, dia beralih pula ke ruang tamu.

Kabinet di bawah televisyen menjadi sasaran utamanya. Di dalam laci kabinet tersebut, suaminya ada menyimpan sebuah peti kecil. Jarang-jarang dia melihat kandungan peti tersebut. Pada malam itu terdetik pula dalam hatinya ingin mencari tahu.

Sejurus itu Mak Yah mencapai peti yang dimaksudkan. Hatinya sedikit berdebar-debar saat membuka peti tersebut. Mana tahu, di dalam peti itu tersimpan koleksi batu permata milik suaminya. Mak Yah tahu sangat bahawa suaminya suka mengumpulkan batu-batu kecil. Kadangkala dia membelinya di pasar lambak tempat orang menjual barang-barang terpakai. Mana tahu, dia telah membawa pulang batu-batu yang tidak seharusnya dibawa pulang.

Tatkala peti itu dibuka, Mak Yah hanya menemukan cebisan-cebisan kertas bertulis yang mengandungi transkrip Arab. Tidak ada satu pun batu permata seperti yang disangkanya tadi.

Satu persatu cebisan nota itu diselak dan dibaca Mak Yah. Ada doa penerang hati. Ada doa pendinding. Pokoknya, semua cebisan tersebut mengandungi doa-doa harian. Barangkali doa-doa tersebut disalin suaminya semasa menghadiri kuliah agama di masjid.

Sungguhpun malam tersebut terasa dingin, sesekali kelihatan Mak Yah menyeka peluh pada dahinya. Sungguh-sungguh dia menjalankan misi mencari pada malam tersebut. Sedikit kelelahan, Mak Yah melabuhkan punggungnya pada sofa. Dia sandarkan kepalanya sedikit. Akhirnya, Mak Yah kalah dengan rasa penat. Dia terlelap di atas sofa di satu sudut ruang tamunya itu.

Seawal waktu subuh pada keesokan harinya, Mak Yah dikejutkan oleh Fifi, anak sulungnya. Apabila ditanya mengapa Mak Yah tidur di ruang tamu, Mak Yah masih juga cuba berselindung.

“Emak berehat sambil menonton drama. Entah macam mana Emak boleh tertidur pula.”

Walaupun separuh percaya, Fifi mengiakan kata-kata ibunya itu. Diamati wajah ibunya itu. Jelas terpancar cahaya seorang insan yang cekal. Garis-garis halus yang mengelilingi mata ibunya itu tidak dia hiraukan. Jika dia terpandang pun, garis-garis itu hanya akan menerbitkan rasa bangga dalam dirinya kerana memiliki seorang ibu yang sangat banyak berkorban untuk keluarganya.

“Fifi tahu Emak masih penat. Hari ini Emak tidak perlu masak, ya? Memandangkan Fifi tidak bekerja hujung minggu ni, biarlah Fifi saja yang masak.”

“Terima kasih, anak Emak. Tapi Fifi nak masak apa? Dah lebih sebulan kita tidak ke pasar. Rasanya barang dapur banyak sudah habis.”

“Fifi sempat jenguk dalam peti ais tadi. Ternampak satu bungkus plastik yang berisi dua ekor ikan siakap. Kita masak ikan itu ya, Emak?”

Terkejut Mak Yah daripada keadaan separuh terbangunnya itu. Ikan siakap. Suaminya ada membawa pulang dua ekor ikan siakap lebih kurang seminggu sebelum dia jatuh sakit. Tatkala itu juga dia teringat perbualannya dengan suaminya.

“Yah, Abang sudah bersihkan ikan-ikan yang abang pancing semalam. Kita masak masam manis, ya?” pelawa suami Mak Yah.

“Nanti dululah, Abang. Anak-anak kita jarang ada di rumah serentak. Apabila si adik tidak bersekolah, kakak dan abangnya bekerja. Bila si kakak atau abangnya tidak bekerja, adiknya pula sibuk dengan projek sekolah. Kita masak apabila semua anak-anak ada di rumah ya?”

Entah mengapa dia seperti tidak berselera memasak ikan tersebut. Dari hari ke hari, ada sahaja alasan dia berikan kepada suami apabila sang suami mengajak memasak ikan tangkapannya itu. Mungkin juga alasan-alasan

ini tercetus kerana nalurnya sebagai seorang wanita, sekali gus isteri, kuat mengatakan bahawa ikan-ikan tersebut memang tidak boleh dibuat hidangan!

Akhirnya, genaplah seminggu suami Mak Yah dimasukkan ke hospital. Sejak hari itu, Mak Yah seakan-akan terlupa bahawa dua ekor ikan siakap yang sudah dibersihkan suaminya ada tersimpan di dalam peti aisnya.

“Emak solat dulu, Fifi. Oh, jangan diapa-apakan ikan itu dahulu, ya!”

Dengan segera Mak Yah masuk ke biliknya, meninggalkan Fifi yang sedang terpinga-pinga. Pintu bilik segera dirapatkan. Subuh itu juga Mak Yah mencapai telefon bimbitnya. Dengan hati yang separuh berdebar, Mak Yah menekan butang telefon bimbitnya.

Di hujung talian, suara yang tidak asing itu menyambut salam Mak Yah dengan suara yang segar. Maklumlah, seusai mendirikan solat subuh, orang Islam digalakkan mengerjakan hal-hal yang berfaedah dan tidak langsung kembali tidur.

Mak Yah menceritakan segalanya. Dia meminta nasihat orang tersebut. Nasihat orang itu tetap sama. Mak Yah diminta mengumpulkan anak-anaknya. Urusan itu boleh diselesaikan bersama dengan izin-Nya.

Selesai solat subuh, Mak Yah mengumpulkan anak-anaknya. Mujurlah anak lelaki tunggalnya itu pulang awal pagi tersebut.

“Anak-anak, Emak ada perkara hendak Emak beritahu. Kalian pasti tahu bahawa Emak memanggil tukang urut untuk mengurut Rama kamu, bukan?” Ketiga-tiga anaknya mengangguk selaras.

“Sejak dua bulan lepas, apabila Pak Raden mengurut Rama kamu, dia dapat rasakan ada satu tenaga yang menghuni dalam badan Rama kamu. Satu tenaga yang tidak baik katanya.”

Anak-anaknya tekun mendengar. Tidak ada seorang pun yang mencelah pada saat ini.

“Kamu pun sama-sama saksikan bagaimana Rama kamu mengeraskan badannya dan enggan menurut apabila kita cuba mengubah posisi

baringnya. Emak ada bertanya kepada doktor sama ada hal seperti ini biasa berlaku bagi pesakit yang mengalami penyakit angin ahmar.”

“Yalah, Emak. Bukankah otak yang mengawal segala pergerakan badan? Kalau otak sudah tidak berfungsi, macam mana pula organ yang lain nak berfungsi? Inikan pula melawan tenaga kita yang masih sihat.” Kali ini Shah tidak sabar mencelah.

“Ya. Doktor juga katakan ini bukan fenomena biasa. Sebab itu Emak minta bantuan Pak Raden,” sambung Mak Yah.

Panjang lebar Mak Yah memberi penerangan kepada ketiga-tiga anaknya pada pagi tersebut. Dia menerangkan bagaimana lembaga besar tinggi dan hitam legam bermata merah telah mendatangi Pak Raden melalui mimpinya. Menurut Pak Raden, mimpi tersebut merupakan alamat kerana mimpinya itu datang kepadanya pada hari yang sama Pak Raden selesai sesi mengurut yang kedua.

Pak Raden menjadi yakin bahawa ikan siakap berpuaka itulah yang telah dibawa pulang oleh suami Mak Yah secara tidak sengaja. Keyakinan ini menjadi kukuh apabila Mak Yah berkongsi latar belakang suaminya yang bekerja di kios minyak bagi sektor perkapalan di daerah Tanjong Penjuru. Memang keras kawasan itu. Apatah lagi apabila Mak Yah memberitahu bahawa suaminya gemar memancing pada waktu malam tatkala ada masa senggang sewaktu bertugas.

“Pak Raden meminta kita menyegerakan urusan ini. Emak hendak minta bantuan anak-anak semua,” pinta Mak Yah.

Tanpa membazir masa, empat beranak tersebut langsung bersiap-siap. Dua buah destinasi menjadi tujuan mereka pada pagi itu. Sungai Punggol menjadi destinasi pertama mereka. Di sungai itulah ikan siakap itu akan dicampakkan kembali ke dalam air.

Mak Yah sedar bahawa sesetengah orang akan berpendapat bahawa perkara ini karut atau tahayul semata. Namun, Mak Yah gagahkan diri juga kerana itu sahajalah usaha yang mampu dilakukan untuk membantu suaminya.

“Emak yakin Rama akan kembali pulih selepas kita membuang ikan ini?” soal Rilah, sekadar ingin menyelami fikiran ibunya.

“Bohong jika Emak katakan Emak percaya seratus peratus bahawa ikan-ikan berpuaka inilah punca penyakit Rama kamu. Yang Emak percaya, semua yang berlaku ini ialah aturan Tuhan. Kita cuma boleh berusaha, Rilah. Selebihnya kita serahkan kepada yang Maha Kuasa.” Itulah pertama kali Mak Yah mencurahkan perasaan sebenarnya kepada anak-anaknya.

Selesai urusan yang pertama, mereka lantas menahan teksi. Kenderaan hitam kuning itu meluru laju ke destinasi mereka yang kedua, Hospital Universiti Nasional Singapura.

Di dalam teksi, fikiran Mak Yah berlegar lagi memikirkan apa yang sedang dia dan anak-anaknya lalui. Dia sedar bahawa perkara ini bukan yang dikehendakinya. Kepercayaan kepada kuasa Tuhan yang Esa sudah setentunya terjamin kuat. Kepercayaan bahawa ikan-ikan siakap berpuaka itu tidak mahu dijadikan sebab penyakit yang menimpa suaminya. Tiada penerangan saintifik pun yang dapat mengaitkan kedua-duanya. Betul juga kata-kata terakhir Pak Raden sebelum mereka berpisah, “Kita setakat ikhtiar dan segala-galanya ditentukan oleh-Nya.”

Seperti kebiasaannya, Mak Yah yang akan melangkah masuk ke dalam wad dahulu, barulah anak-anaknya yang lain akan menyusul di belakang. Namun, bukan seperti kebiasaannya, pagi itu Mak Yah disambut dengan kejutan.

“Yah...” panggilan serak-serak basah daripada suami Mak Yah. Itulah kali pertama suaminya bersuara setelah hampir empat bulan menyepi.

### Perbendaharaan Kata

- bait-bait
  - bingkas
  - cecal
  - *cerebral thrombosis*
  - kudrat
  - menyeka
  - sekonyong-konyong
  - sembap
  - sesuai
  - telaten
- rangkap-rangkap
  - melenting, menganjal
  - tabah, tahan menderita
  - kejadian yang berlaku tatkala saluran darah pada bahagian otak menjadi tersumbat, menyebabkan darah membeku dan terus menghalang saluran darah yang efektif ke organ yang lain. Kejadian ini kerap berlaku pada waktu malam atau mendekati waktu subuh.
  - kuasa, tenaga, kekuatan
  - menyapu-nyapu atau menggosok-gosok (sesuatu) supaya bersih atau kering
  - dengan tidak disangka-sangka
  - bengkak
  - apabila selesai
  - teliti dan sabar

